

Dr. M raya di Tokyo

KUALA LUMPUR. Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah menyambut Hari Raya Haji hari ini di Tokyo.

Mereka disertai oleh kira-kira 200 rakyat Malaysia di ibu kota Jepun itu menunaikan sembahyang di kediaman Duta Malaysia di sana, Datuk Jamaluddin Haji Abu Bakar.

Perdana Menteri dan isterinya tiba di Tokyo semalam dalam perjalanan ke New York untuk ber-

ucap di Persidangan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-37.

Jurucakap Kedutaan Malaysia di Tokyo yang menghantar kawat ke Bernama berkata, antara mereka yang menghadiri sembahyang ialah kumpulan pertama pemuda-pemuda Malaysia yang dihantar ke Jepun untuk berlatih di bawah dasar pandang ke timur Kerajaan.

Yang lain termasuk kakitangan kedutaan dan mereka yang bertugas di agensi-agensi lain serta keluarga mereka. Bernama.

No. Siri 2978

No. Penerimaan 723/85